



Isu Tunggakan Nafkah: Keperluan Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)

Undang-Undang Keluarga

Arrears of Maintenance Issues: Requirements of Family Support Division (BSK) Establishment

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM
(Corresponding Author)

NUR SYAZWANI MOHD KHATIB
Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor
nurzulfah@kuis.edu.my

38

Submitted: 22 January 2020

Revised: 16 April 2020

Accepted: 28 April 2020

E-Published: 29 April 2020

ABSTRAK

Nafkah merupakan suatu keperluan hidup dan diletakkan sebagai tanggungjawab kepada individu tertentu. Bapa perlu melunaskan nafkah buat anaknya, isteri pula memerlukan nafkah dari suaminya dan ibu bapa yang telah uzur juga membutuhkan nafkah dari anak-anaknya. Justeru, undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menggariskan suatu peruntukan khusus berkenaan hal nafkah dan pihak yang teraniaya boleh memohon tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah. Oleh itu, Mahkamah Syariah sebagai sebuah institusi lazim dalam membicarakan hal berkenaan kekeluargaan Islam berusaha dalam menjamin penyelesaian kes-kes tunggakan nafkah diselesaikan dengan baik dan mampu mendatangkan masalah kepada pihak-pihak yang bertikai. Tujuan artikel ini adalah bagi membincangkan inisiatif atau mekanisma penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) sebagai salah satu inisiatif dalam menyelesaikan kes-kes tunggakan nafkah. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan metode temubual dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati BSK terlibat secara langsung dalam memberi khidmat nasihat dan perundangan Syariah kepada pihak-pihak yang terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah. BSK juga berperanan melaksanakan tugas peguam Syarie dan Bailif dalam pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah. Walau bagaimanapun, wujud juga kekangan dalam melicinkan proses pembayaran nafkah ini antaranya BSK menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan dan memerlukan dana yang secukupnya dalam membantu ibu dan isteri yang terlibat dalam masalah nafkah.

Kata Kunci: Bahagian Sokongan Keluarga, Nafkah, Tunggakan, Mahkamah Syariah, Bailif





ABSTRACT

Nafaqah is a necessity and imposed to a specific individual. It is the duty of a father/husband to provide for the maintenance of the children and wife, and the duty of children towards their parents. Thus, the Islamic family law in Malaysia has set forth a specific provision relating to maintenance and the neglected party may apply for maintenance in the Syariah Court. Therefore, the Syariah Court is vested with powers to deal with Muslim families to ensure that cases are resolved successfully to protect the maslahah of the disputing parties. This paper seeks to examine mechanism in the establishment Family Support Division (BSK) as one of the initiatives in resolving the cases relating to recovery of arrears of maintenance. This study was conducted by applying qualitative approach using interview method and library research. The results show, BSK is directly involved in providing consultation and Syariah legal service to the parties specifically involved in maintenance claims and enforcement procedures following the judgement by Syariah Court. The BSK also plays a role of a Syariah lawyers and Bailiff in the execution of judgments and enforcement of orders made by the Syariah Court regarding to recovery of arrears of maintenance. However, there are also obstacles in streamlining the process of payment of maintenance, which means that the BSK faces problems in financial management and requires sufficient funds to assist the mothers and wives involved in the maintenance claim cases.

Keywords: Family Support Division, Maintenance, Arrears, Syariah Court, Bailiff

PENDAHULUAN

Para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa seorang anak merupakan antara kumpulan yang berhak terhadap nafkah menurut undang-undang Islam (Badrudin & Azizah, 2013). Kelayakan terhadap nafkah ini berasaskan hubungan persaudaraan yang diasaskan pada pertalian darah serta keturunan. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia tetapi amal kebajikan yang terus-menerus adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan.

(Al-Kahfi, 18: 46)

Merujuk surah di atas, menjelaskan bahawa Islam menganggap anak sama seperti harta. Maksud di sini adalah anak merupakan perhiasan dalam kehidupan (Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi, 2006). Oleh kerana itu, anak perlu diberi belaian kasih sayang dan dipelihara dengan baik serta teratur oleh kedua-dua ibu bapa terutamanya bagi pembentukan sahsiah anak-anak mereka agar menjadi seorang manusia yang berguna. Maka, ibu bapa perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi menyediakan keperluan harian anak-anak mereka iaitu nafkah (Najibah, 2007).



Namun, pada masa kini, masih ada segelintir masyarakat masih kabur mengenai masalah nafkah. Senario sekarang, nafkah anak tidak diberikan oleh bapa kepada anaknya. Ini menyebabkan ibu kepada anak tersebut terpaksa meminta bantuan daripada pelbagai pihak termasuk ke mahkamah agar suaminya membayar nafkah untuk anak mereka demi untuk membesarkan dan menjaga anak-anaknya (Najibah, 2007). Disebabkan keingkaran dan kegagalan bapa melunaskan nafkah maka nafkah tersebut menjadi tertunggak sehinggalah berbulan dan bertahun.

Selain itu, terdapat beberapa masalah yang timbul. Antaranya seperti nafkah anak diabaikan oleh bapa walaupun telah mendapat perintah daripada mahkamah, akan tetapi bapa gagal mematuhi perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Sikap bapa yang tidak mengikut perintah mahkamah inilah yang menyebabkan nafkah anak menjadi tertunggak dan masalah ini seperti sering berlaku pada masa kini (Muhammad Haniff, 2013).

Ada sebahagian bapa membayar nafkah anak akan tetapi jumlah yang diberikan tidak mencukupi bahkan jumlah nafkah diberikan juga tidak berpatutan untuk nafkah anak-anaknya. Jumlah nafkah anak sedikit dan terlalu rendah serta berbeza dengan jumlah yang dituntut oleh isterinya (Najibah, 2007).

Bukan itu sahaja, terdapat isu yang mana, isteri sanggup ke mahkamah beberapa kali demi memperjuangkan hak dan menuntut nafkah anak-anaknya. Nafkah anak selalu dipandang ringan oleh pihak bapa dan tidak mengambil berat dan bertanggungjawab walaupun telah diperuntukkan perintah pembayaran nafkah (Najibah, 2009).

Kecuaian juga merupakan punca hak dan nafkah anak terabai. Sekiranya berlaku penceraian antara suami dan isteri, nafkah anak tidak boleh diabaikan sama sekali sama ada anak tersebut berada di bawah jagaannya atau tidak. Akan tetapi masyarakat pada zaman ini, terlepas pandang serta cuai kerana tidak membuat tuntutan nafkah anak selepas penceraian dan menyebabkan tiada tuntutan tunggakan nafkah anak (Muhamad Syafiq, 2015).

Ekoran daripada masalah tunggakan nafkah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah menubuhkan unit yang dipanggil Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) untuk membantu pihak ibu dalam menangani masalah kegagalan melunaskan nafkah anak. Terdapat pihak-pihak yang kurang mengenali unit BSK ini dan ada yang tidak mengetahui langsung kewujudannya sehingga mengakibatkan mereka terhimpit dengan dilema terhadap kegagalan mendapat nafkah

KONSEP NAFKAH DAN NAFKAH TERTUNGGAK

Nafkah

Prof. Dr. Muhammad Az-Zuhaili menyatakan nafkah merupakan kata pinjaman Bahasa Arab. Bagi bentuk jamak bagi perkataan نفقه adalah نفقات. Berdasarkan buku



Ensiklopedia Islam, nafkah berasal daripada perkataan *al-Infaq* iaitu bermaksud membayar, membelanja dan mengeluarkan wang ringgit. Perkataan *Nafqus Syai* bermakna mengeluarkan nafkah dan digunakan bagi keadaan kebaikan (Az-Zuhaily, 2009).

Nafkah juga merupakan sesuatu yang diperlukan tubuh badan manusia bagi memelihara seluruh anggota dan menguatkan manusia yang sedang mengalami kurang atau tidak sihat (al-Wahhab, 2014). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, nafkah bermaksud wang untuk memiliki makanan dan lain-lain yang diperlukan untuk memelihara hidup atau sara hidup (Kamus Dewan, 2005). Selain itu, ia juga bermaksud perbelanjaan dan lain-lain yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri. Berdasarkan buku Ensiklopedi Hukum Islam, belanja yang wajib dilaksanakan oleh seseorang kepada orang yang berada di bawah tanggungannya (Abdul Azis, 2001).

Dari sudut bahasa, maksud perkataan nafkah adalah mengeluarkan atau pergi atau keluar. Akan tetapi, makna nafkah dari sudut istilah ialah semua perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Sebegitu juga pandangan istilah bererti mengeluarkan belanja atau sara hidup bagi mereka yang dikehendaki atas seseorang untuk membiayainya (Ab. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan, 2016).

Adapun maksud nafkah menurut pandangan ulama sama ertinya dengan maksud nafkah dari segi istilah namun nafkah juga boleh diistilahkan dengan lebih luas seperti keperluan pendidikan dan perubatan. Ini adalah kerana, kedua-dua keperluan ini merupakan perkara asas yang diperlukan oleh anak-anak pada ketika ini (Rafiah Binti Ismail, 2008).

Nafkah Tertunggak

Nafkah tertunggak mengikut kamus istilah undang-undang ialah dianggap sebagai hutang bagi mana-mana nafkah yang tidak ditunaikan atau dibayar oleh seorang bapa terhadap individu di bawah tanggungannya sama ada kepada isteri atau anak-anak (Kamus Undang-undang, 2002). Tunggakan nafkah ini boleh dituntut sebagai suatu hutang. Sekiranya tunggakan ini tidak dapat dilangsaikan sehingga pihak yang mungkir itu mati hendaklah ia menjadi suatu hutang yang boleh dituntut dari harta pusaka si mati (<http://www.jakess.gov.my/soalanlazimnafkahanak>, 16 Oktober 2019).

Dalil-Dalil Pensyariatian Nafkah

Terdapat beberapa arahan dalam al-Quran dan juga al-Sunnah berkenaan kewajipan melunaskan nafkah dalam Islam.

Dalil –Dalil Al-Quran

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:



Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebani seseorang melainkan (sesuai) dengan apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan setelah kesempitan.

(At-Talaq, 65: 7)

Allah tidak akan membebaskan seseorang melainkan sekadar kemampuan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepadanya. Oleh itu, manusia yang mengalami kesempitan perlulah sentiasa ingat sesungguhnya Allah akan memberikan kesenangan apabila berlakunya kesusahan dan kesempitan dalam kehidupan.

Dalil-Dalil Al-Sunnah

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ هِنْدَ بِنْتَ عُتْبَةَ، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلًا شَحِيحٌ وَلَيْسَ يُعْطِينِي مَا يَكْفِينِي وَوَلَدِي، إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْهُ وَهُوَ لَا يَعْلَمُ، فَقَالَ: خُذِي مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدِكَ، بِالْمَعْرُوفِ.

Maksudnya:

Daripada 'Aishah r.a. bahawa Hindun binti Utbah pernah bertanya, 'Wahai Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Abu Sufian ialah seorang lelaki yang kedekut dan tidak mahu memberi nafkah kepadaku dan anakku sehingga aku mesti mengambil hartanya tanpa pengetahuannya. Rasulullah s.a.w. menjawab: Ambillah apa yang mencukupi bagimu dan anakmu dengan cara yang baik.

(Sahih Bukhari, Kitab Nafqah, No Hadis: 5049)

LATAR BELAKANG BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) tercetus dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 46 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. mantan Perdana Menteri Tan Sri Abdullah bin Ahmad Badawi pada 7 Jun 2007. Pada masa ini, mantan Perdana Menteri telah memutuskan agar diwujudkan satu badan bagi menyelesaikan dan mengatasi masalah berkaitan dengan nafkah yang tidak dilaksanakan oleh pihak bekas suami serta berkaitan dengan tuntutan dan penguatkuasaan perintah nafkah terutamanya jika bekas suami atau bapa yang bertanggungjawab membayar nafkah gagal memberi kerjasama atau cuai (Roslina Che Soh @ Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Naim Mokhtar, 2017)

Inisiatif ini diambil disebabkan melihat kepada perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini yang berkenaan dengan isu nafkah anak, nafkah 'iddah dan juga nafkah isteri yang banyak tidak dilaksanakan (Muhammad Amir



Firdaus, 2017). Pada ketika itu, hampir dua belas ribu kes berkaitan isu nafkah anak, nafkah 'iddah dan nafkah isteri dipaparkan dalam akhbar tempatan. Majoriti isu yang dipaparkan tersebut melibatkan perintah nafkah yang tidak dilaksanakan dan tidak ada apa-apa tindakan yang diambil (Muhammad Amir Firdaus, 2017).

Antara punca dan sebab mengapa tidak diambil tindakan oleh pihak isteri setelah menerima perintah nafkah tersebut kerana mereka ini tidak mengetahui cara bagaimana untuk menguatkuasakan perintah tersebut, sekiranya perintah nafkah gagal dipatuhi (Muhammad Amir Firdaus, 2017). Punca kedua adalah tidak ada satu badan yang tertentu dan khusus untuk mengambil tindakan tentang hal ini. Keputusan mesyuarat tersebut dapat direalisasikan pada bulan Oktober 2008 yang mana ketika itu Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) ditubuhkan. BSK juga beroperasi secara penuh dan rasminya pada tahun 2009 dan pusat operasinya terletak di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (Muhammad Amir Firdaus, 2017).

PENGLIBATAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) DALAM PENYELESAIAN KES NAFKAH TERTUNGGAK

Di Selangor, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) berpusat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS). Terdapat banyak cara yang dilaksanakan oleh BSK dalam membantu pihak yang terlibat dalam masalah tunggakan nafkah. Antaranya, para pegawai BSK menerima jemputan daripada organisasi-organisasi atau badan bukan kerajaan (NGO) wanita untuk menghebahkan penubuhan BSK dan menjelaskan cara BSK mampu membantu dalam menyelesaikan kes tunggakan nafkah.

Pihak pegawai BSK menerima jemputan daripada organisasi-organisasi atau NGO-NGO wanita untuk menghebahkan penubuhan BSK dan kita akan jelaskan cara BSK mampu membantu dalam menyelesaikan kes tunggakan nafkah ni la...

(Pegawai BSK JAKESS, 2017, 14.05)

Pada tahun 2018, pegawai-pegawai BSK JAKESS telah menerima satu jemputan untuk mengadakan satu forum yang bertajuk "Literasi Undang-undang Syariah, Hak dan Tanggungjawab". Forum tersebut diadakan di Shah Alam iaitu di Pusat Wanita Budaya (PWB), Dewan Undangan Negeri Baru Tiga oleh Y.B Puan Rodziah binti Ismail (<http://www.jksm.gov.my>, 2 Ogos 2019). Selain itu, pada 17 September 2019, pihak BSK telah mengadakan satu seminar bertajuk Seminar Perdana Kesedaran Undang-undang Syariah, Pelancaran Dana Bantuan Nafkah BSK dan Sistem E-Locator di SACC Shah Alam, yang mana dalam seminar tersebut, BSK JAKESS telah membuka kaunter pertanyaan kepada orang ramai supaya senang untuk mereka mendapatkan khidmat konsultasi dan runding cara secara percuma (Selangor Kini, 18 September 2019). Malah dalam program ini juga terdapat slot seminar yang disampaikan oleh hakim Mahkamah Syariah bagi menjelaskan berkenaan BSK ini dengan lebih lanjut. (<http://www.jakess.gov/bsk>, 1 Oktober 2019).

PROSEDUR PEMOHONAN NAFKAH TERTUNGGAK ANAK

Pihak BSK juga dibantu oleh bailif iaitu pegawai mahkamah yang bertugas mengikut arahan mahkamah dan perintah-perintah mahkamah. Bailif-bailif ini akan membantu orang awam dalam mendapatkan garis panduan yang betul dalam penyelesaian kes nafkah tertunggak.

BSK JAKESS mempunyai tiga orang bailif yang terdiri daripada dua orang pegawai Syariah dan seorang pembantu Syariah. Sekiranya waran tangkap diserahkan kepada bailif ini, mereka akan melaksanakannya dan mengikut arahan daripada mahkamah untuk menjalankan proses tangkapan tersebut. Sekiranya kes tersebut terpaksa dipanjangkan ke mahkamah, maka baliff akan mengikut prosedur kes di mahkamah pula (<http://www.jakess.gov/bsk>, 1 Oktober 2019).

Dalam temubual yang berlangsung, Tuan Muhammad Amir Firdaus Bin Sidin yang merupakan Pegawai BSK JAKESS menjelaskan terdapat empat peringkat yang perlu diikuti oleh pihak-pihak dalam menyelesaikan kes tunggakan nafkah anak mereka sekiranya didaftarkan di bawah BSK:

Peringkat 1: Pendaftaran Aduan

Aduan boleh dibuat di kaunter BSK yang terdekat. Aduan yang diterima akan diperincikan dan dikenal pasti. Pihak BSK ini bekerja atas perintah-perintah yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Jika pengadu tidak ada perintah tersebut, pihak BSK tidak dapat diterima dan meminta pengadu tersebut mendapat perintah terlebih dahulu daripada mahkamah berkaitan kes tersebut. Berkaitan isu-isu kriteria permohonan sama ada seseorang itu layak untuk memohon atau membuat aduan di Selangor. Sekiranya pengadu tidak bermastautin di Selangor, ianya berbalik kepada negeri mana yang mengeluarkan perintah tersebut walaupun dia tidak bermastautin di negeri itu. Cara yang terbaik adalah membuat aduan di negeri yang mengeluarkan perintah mahkamah tersebut.

Seterusnya, pengadu diminta untuk mengisi borang serta mengemukakan beberapa dokumen yang berkaitan. Antara dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Salinan kad pengenalan pemohon.
- ii. Salinan sijil lahir atau kad pengenalan anak.
- iii. Salinan perintah mahkamah Syariah.
- iv. Salinan sijil perakuan cerai.
- v. Salinan hadapan buku akaun bank yang mana salinan itu tertera nombor akaun, nama dan nombor kad pengenalan pemilik akaun. Ini sekiranya perintah mewajibkan pembayaran perintah nafkah melalui akaun bank.
- vi. Maklumat tunggakan nafkah anak mengikut tahun.

Borang yang diisi oleh pemohon tersebut akan dikepilkan dan didaftarkan secara atas talian ke dalam sistem e-nafkah. Sistem e-nafkah sebagai sistem simpanan data atas talian yang memudahkan proses urusan rekod dan kemaskini maklumat diselenggara dengan berkesan. Sistem e-nafkah turut dilengkapi dengan aplikasi yang membantu penjanaan dokumen mahkamah dengan sistematik. Contohnya, janaan resit bayaran, notis kehadiran rundingcara, semakan tarikh kes di mahkamah dan lain-lain lagi. Objektifnya, adalah untuk meningkatkan tahap penggunaan sistem e-nafkah dalam kalangan Pegawai BSK, memantapkan kemahiran penggunaan sistem e-nafkah bagi memastikan kes-kes pengabaian perintah nafkah dapat dikesan dengan kadar segera dan membantu mewujudkan pengurusan dana BSK secara sistematik dan teratur.

Penjanaan maklumat itu seiring dengan nombor kes dan dengan nombor kes tersebut, fail itu akan dibuka berdasarkan nombor pendaftaran kes. Setiap kod kes mempunyai makna yang tersendiri. Contohnya seperti nombor pendaftaran kes di BSK JAKESS iaitu 60008-03-024-0069-2015. Fail dengan nombor bermula dengan 6xxxx merujuk kepada nombor kes di BSK JAKESS. Berdasarkan kod 60008, nombor akhir kod tersebut seperti angka 8 merujuk kepada mahkamah daerah. Angka 8 merujuk kepada Mahkamah Syariah Daerah Gombak Barat. Kod 03 merujuk kepada fail kes tersebut dan kod 03 merujuk kepada fail di Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)BSK. Kod 24 merupakan kod bagi jenis kes di mahkamah iaitu kes nafkah anak. Kod 0069 pula merupakan bilangan nombor kes yang telah didaftarkan di UPPP BSK JAKESS dan 2015 adalah tahun kes tersebut didaftarkan.

Jadual 1: Statistik Pendaftaran Kes Dari Tahun 2010 Sehingga Disember 2016
Bagi Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP)

Perkara	Tahun							Jumlah
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	
Pendaftaran (E-nafkah)	35	35	73	123	95	120	138	619
Pendaftaran (Manual)	80	62	8	26	22	19	17	234
Jumlah (E-Nafkah + Manual)	115	97	81	149	117	139	155	853
Kes Dalam Tindakan	12	20	21	24	33	17	17	144
Kes Selesai	107	96	78	140	133	139	165	858
Baki	20	21	24	33	17	17	7	7

(Sumber: Bahagian Sokongan Keluarga Tahun 2010-2016,
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor)



Jadual 1 menunjukkan statistik pendaftaran kes bagi Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP) pada tahun 2010 sehingga 2016. Pada tahun 2010, BSK JAKESS mencatatkan pendaftaran kes melalui e-nafkah sebanyak 35 kes manakala pendaftaran secara manual adalah 80 kes yang mana ianya lebih banyak daripada pendaftaran secara e-nafkah. Jumlah kedua-dua pendaftaran ini adalah sebanyak 115 kes. Terdapat 12 kes yang masih dalam tindakan manakala 107 kes telah selesai.

Pada tahun 2011, jumlah pendaftaran kes secara e-nafkah di UKNP adalah sama seperti pada tahun 2010 manakala pendaftaran kes secara manual sebanyak 62 kes. Jumlah kedua-dua pendaftaran ini adalah 97 kes. Pada tahun itu juga, kes yang masih dalam tindakan adalah sebanyak 20 kes manakala kes yang telah selesai adalah 96 kes.

Seterusnya, pendaftaran kes pada tahun 2012, bertambah berbanding pada tahun 2010 dan 2011 iaitu dengan mencatat pendaftaran sebanyak 73 kes yang didaftarkan secara e-nafkah manakala pendaftaran secara manual adalah sedikit iaitu hanya 8 kes sahaja. Jumlah pendaftaran kes pada tahun tersebut dengan menggunakan dua kaedah ialah sebanyak 81 kes. Kes yang masih dalam tindakan adalah 21 kes manakala kes yang telah selesai adalah 78 kes.

Pada tahun 2013, pendaftaran secara e-nafkah bertambah lagi berbanding dengan tahun 2012 iaitu dengan 123 kes. Akan tetapi pendaftaran kes secara manual pada tahun 2013 adalah 26 kes dan jumlah pendaftaran secara kedua-dua kaedah ini iaitu melalui e-nafkah dan manual adalah sebanyak 149 kes. Terdapat 24 kes masih dalam tindakan pada tahun tersebut manakala kes telah selesai adalah 140 kes yang mana jumlahnya lebih banyak daripada kes yang masih dalam proses tindakan.

Seterusnya, pada tahun 2014, terdapat 95 kes yang berdaftar secara e-nafkah di UKNP BSK JAKESS manakala hanya 22 kes yang berdaftar secara manual. Jumlah kedua-duanya pendaftaran kes adalah 117 kes. Pada tahun ini, 33 kes yang mana ianya merupakan tahun terbanyak kes dalam tindakan berbanding pada tahun 2010 sehinggalah pada tahun 2013. Kes yang telah selesai pada tahun tersebut adalah 133 kes.

Statistik pendaftaran melalui e-nafkah adalah 120 kes bagi tahun 2015 dan 138 kes bagi tahun 2016. Akan tetapi, statistik pendaftaran secara manual 19 kes sahaja bagi tahun 2015 dan 17 kes bagi tahun 2016. Jumlah pendaftaran kes pada tahun 2015 adalah 139 kes dan kes-kes yang telah selesai adalah 133 kes. Bagi tahun 2016 pula, jumlah pendaftaran kes di UKNP BSK JAKESS adalah 155 kes dan kes-kes yang telah selesai adalah 165 kes. Bilangan kes-kes yang masih dalam tindakan bagi kedua-dua tahun ini adalah 17 kes.

Peringkat 2: Sesi Runding Cara

Sistem akan menetapkan tarikh runding cara yang dikendalikan oleh UKNP dan notis kehadiran akan dihantar kepada pihak-pihak yang terlibat. Semasa runding cara,



UKNP akan mengenal pasti sama ada perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah dipatuhi atau tidak dipatuhi oleh bekas suami. Selain itu, UKNP juga berperanan sebagai pemudah cara kepada pihak-pihak berkaitan untuk berkomunikasi secara berkesan untuk mencari persetujuan antara kedua-dua pihak.

Sekiranya persetujuan pertama tercapai, maka perjanjian penyelesaian akan disediakan untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Seterusnya, perjanjian penyelesaian tersebut akan dilampirkan dalam pliding yang difailkan ke mahkamah oleh pegawai BSK di UPPP. Kes ini kemudiannya dipanjangkan kepada hakim Syarie untuk dihakimi persetujuan untuk mengikat kedua-dua pihak.

Peringkat 3: Penguatkuasaan Perintah

Sekiranya tidak ada persetujuan yang dicapai, tindakan penguatkuasaan pelaksanaan perintah dimulakan oleh Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah (UPPP). UPPP yang akan menentukan jenis tindakan dan pelaksanaan perintah sama ada Saman Penghutang Penghakiman atau penyitaan dan penjualan atau *hiwalah* atau penghinaan mahkamah. Selepas tindakan perundangan dikenal pasti, pegawai BSK di UPPP akan menyediakan pliding berkaitan untuk difailkan ke mahkamah. Seterusnya, pembacaan wakalah pelantikan peguam bersama dengan pemiutang penghakiman akan dijalankan di hadapan pendaftar mahkamah. UPPP akan menyempurnakan penyampaian saman atau notis serta pliding kepada penghutang penghakiman.

Contohnya, jika tuntutan tertunggak anak ini tidak terlaksana, maka mereka akan membawa ke prosedur seterusnya iaitu Saman Penghutang Penghakiman Ini adalah tuntutan biasa untuk pembayaran wang yang diperintahkan dan tidak dilaksanakan. Boleh dikatakan, Saman Penghutang Penghakiman ini prosiding untuk menyaman penghutang penghakiman bagi menunjukkan sebab dan keengganan pihak suami melaksanakan perintah mahkamah yang dikeluarkan di bawah seksyen 175 hingga seksyen 182 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003.

Sekiranya penghutang tidak hadir setelah menerima saman oleh mahkamah, maka waran tangkap boleh dikeluarkan bagi meminta penghutang untuk hadir ke mahkamah. Tujuannya untuk menjawab sebab mengapa penghutang ingkar dan tidak melaksanakan perintah yang telah diberikan kepadanya sebelum ini. Seterusnya, jika apabila kes Saman Penghutang Penghakiman selesai dan hutang masih ingkar dibayar, prosedur seterusnya ialah mengeluarkan satu Penghakiman. Ini adalah Notis Tunjuk Sebab yang mana jika mahkamah tidak menerima alasan munasabah dikemukakan oleh penghutang tersebut, maka penghutang boleh dikomitkan ke penjara. Itu adalah susur tatacara yang berlaku dalam konteks di negeri Selangor Darul Ehsan.



Perintah Sampingan: Pendahuluan Nafkah

Sementara menunggu proses ini diselesaikan bagi mengurangkan beban isteri tersebut, pegawai BSK akan mencadangkan kepada Unit Pendahuluan Nafkah (UPD) agar pendahuluan nafkah anak dibayar mengikut kadar nafkah yang telah diputuskan dalam perintah yang berkuatkuasa selama enam bulan. Dari segi pembayaran semula kepada pihak BSK bergantung kepada perbincangan dengan pihak BSK. Tidak menjadi masalah sekiranya membuat pembayaran secara ansuran walaupun hanya RM 50 sahaja.

Pendahuluan dana yang diberikan BSK adalah bertujuan untuk membuat kutipan semula kepada Penghutang Penghakiman. BSK akan membuat kutipan kepada Penghutang Penghakiman untuk membayar balik kepada BSK jumlah dana awal yang telah diberikan kepada Pemohon. Contohnya, ketika dalam sesi runding cara, pihak Pemohon semestinya bertanyakan berkenaan tempoh masa kes diputuskan dan bagaimana dia boleh dibantu. Oleh demikian, BSK akan menjelaskan berkenaan pembayaran dana awal ini diperuntukkan terlebih dahulu sehingga kes diputuskan. Setelah kes diputuskan, pihak Penghutang Penghakiman perlu memulangkan semula pembayaran dana awal yang telah diberikan oleh BSK kepada Pemohon.

Pemohon dikehendaki melengkapkan borang dan disertakan beberapa dokumen. Selepas itu, pihak BSK akan memproses permohonan pemohon dan pihak BSK juga akan membuat siasatan ke atas pemohon. Contohnya, perkara yang disiasat oleh pihak BSK adalah sama ada adakah benar pemohon tinggal di situ, bilangan tanggungan, mengenal pasti sama ada pemohon bekerja atau tidak bekerja dan sebagainya. Apabila proses itu telah dilakukan, maka pihak BSK akan buat satu sinopsis tentang pemohon tersebut dan pihak BSK akan mengesyorkan serta membawa permohonan pemohon kepada ahli mesyuarat Jawatan Akaun Amanah.

Dalam Jawatan Akaun Amanah terdiri daripada ketua hakim, hakim kanan, pihak kewangan negeri dan pihak Lembaga Zakat. Pihak BSK akan membentangkan tentang siasatan mereka mengenai permohonan pemohon sehinggalah mereka memutuskan bahawa pemohon layak mendapat dana tersebut.

Jadual 2: Statistik Penerima Pendahuluan Nafkah BSK JAKESS

Tahun	Bil Daftar	Jumlah Penerima
2012	55	22
2013	84	28
2014	33	16
2015	9	12
2016	6	1
Jumlah	187	79

(Sumber: Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor)

Merujuk Jadual 2, pada tahun 2012, jumlah pendaftaran untuk pendahuluan nafkah adalah 55 kes tetapi hanya 22 kes yang dapat menerima pendahuluan nafkah. Pada tahun 2013, jumlah pendaftaran adalah tinggi iaitu dengan jumlah 84 kes untuk



memohon pendahuluan nafkah. Walaupun pendaftaran tinggi, akan tetapi yang menerima pendahuluan nafkah ini hanya 28 orang manakala selebihnya tidak layak untuk menerima pendahuluan nafkah tersebut.

Pada tahun 2014, sebanyak 33 kes didaftarkan untuk memohon pendahuluan nafkah di BSK JAKESS manakala 9 kes untuk tahun 2015. 16 kes telah berjaya menerima pendahuluan nafkah daripada Unit Pendahuluan Dana pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 adalah 12 kes. Pada tahun 2016, hanya 6 kes yang berdaftar untuk mendapat pendahuluan nafkah sehingga bulan September 2016 dan hanya satu kes sahaja berjaya menerima pendahuluan nafkah tersebut. Pemberian nafkah pendahuluan merujuk kepada sebanyak mana dana yang ada dalam Unit Pendahuluan Nafkah dan siasatan kemampuan pihak Pemohon.

KES-KES TERDAHULU

Bagi contoh kes nafkah anak yang diperolehi ketika perkahwinan masih berlangsung ialah kes *Umi Jumaina Binti Mohamed Jan lwn. Mohd Salleh Bin Che Tan* (No kes: 60200-03-011-0068-2016).

Melalui runding cara yang dijalankan, Mahkamah Syariah memerintahkan defendan hendaklah membayar nafkah isteri sebanyak RM1000.00. Pihak-pihak bersetuju jumlah tunggakan merangkumi nafkah isteri dan anak antara Februari sehingga Mei 2016 sebanyak RM5,000.00. Defendan setuju untuk membayar keseluruhan tunggakan pada Oktober 2016.

Biasanya, situasi ini timbul apabila wujudnya poligami. Di mana suami yang ingin berpoligami mengemukakan permohonan kebenaran berpoligami kepada mahkamah. Dengan itu, mahkamah akan memerintahkan jumlah nafkah yang perlu dibayar kepada isteri pertama dan anak-anak di samping kebenaran untuk berpoligami. Oleh itu, sekali pun perkahwinan masih belum terubuh, hak nafkah kepada isteri dan anak-anak telah pun direkodkan dalam perintah. Jika berlaku ketidakpatuhan, maka pihak isteri pertama tadi boleh membuat tuntutan nafkah tertunggak.

Seterusnya, dalam *Mariam Binti Ibrahim lwn. Shaharin Bin Khanafi* (No kes: 60007-03-024-0091-2016), keputusan kes ini, mahkamah telah memutuskan dan memerintahkan bahawa defendan hendaklah membayar nafkah seorang anak sebanyak RM700.00 sebulan. Bayaran tersebut dibuat ke akaun bank milik Plaintiff pada awal bulan dan selewat-lewatnya pada 05 hari bulan setiap bulan. Perintah ini berkuatkuasa pada bulan Januari 2016.

Bagi contoh keadaan kes yang mana suami hilang upaya dan tidak mampu memperuntukkan nafkah maka hak pembayaran nafkah akan berpindah ke waris terdekat suami. Setakat ini, pihak BSK JAKESS belum ada lagi membicarakan kategori kes tersebut. Akan tetapi, terdapat satu kes dari Mahkamah Syariah Klang yang mana aemasa runding cara dilaksanakan, pihak Plaintiff sendiri telah memaklumkan



Defendan hilang upaya untuk melunaskan nafkah dan kes tersebut tidak diteruskan oleh pihak Plaintiff.

KESIMPULAN

Amalan BSK dalam membantu menyalurkan nafkah pendahuluan telah terbukti dan dipercayai sangat membantu dalam mendapatkan pendahuluan nafkah bagi anak-anak. Lebih-lebih lagi setelah mahkamah mengeluarkan perintah namun bekas suami atau suami enggan memperuntukan nafkah sebagaimana diarahkan. Disebabkan faktor ini, BSK menjadi satu institusi atau unit yang diletakkan perhatian yang tinggi oleh kerajaan negeri. Pada 17 September 2019, pihak BSK JAKESS telah menerima sumbangan dana sebanyak RM 100, 000 dari Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan Dana Bantuan Nafkah (Selangor Kini, 17 September 2019). Sumbangan dana ini dapat meringankan beban BSK dalam menyalurkan bantuan nafkah kepada pihak yang berkelayakan. Maka, diharapkan dengan bantuan dana tersebut dapat membantu lebih ramai pihak dan mengurangkan kekangan penyaluran nafkah oleh pihak BSK disebabkan isu kekurangan dana.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Azis Dahlan. 2001. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jil. 6. Cet. 5. Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve.

Ab. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. 2016. Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah. *Jurnal Kanun*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Hlm 214.

Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi. 2006. *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM. Hlm. 222

Badruddin Haj Ibrahim & Azizah Mohd. 2013. *Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya*. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*. Jil. 25. Bil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 255.

Kamus Undang-undang. 2002. Cet. Kelima. Selangor. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Kursus E-Syariah (E-Nafkah) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2017. <http://www.jksm.gov.my>. 4 Ogos.

Muhammad Haniff Hassan. 2013. *Tuntut Nafkah Anak Dari Bekas Suami*. Berita Harian, 28 Jun



Muhammad Syafiq Mukhtar. 2015. *Peguam Muslim Menulis: Kecuaian Punca Hak Anak Terabai*. Berita Harian, 19 November.

Muhammad Az-Zuhaili. 2009. *Al-Mu'tamad Fiqah Imam Syafi'i*. Terj. HM. Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain. Jil. 4. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd. Hlm. 377.

Muhammad al-Wahhab as-Syaati. 2014. *300 Soal Jawab Fikih Imam Syafii*. Terj. Muhammad Yusuf al-Kastani. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn.Bhd.

Najibah Mohd Zin et al. 2007. *Undang-Undang Keluarga (Islam)*. Jil. 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perpustakaan Negara Malaysia. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Portal JAKESS. Soalan Lazim JAKESS.<http://www.jakess.gov.my/soalanlazim-nafkah>. 16 Oktober 2019.

Rafiah binti Ismail. 2008. *Nafkah Anak Orang Islam Di Negara Malaysia: Suatu Kajian Dari Tahun 2002 Hingga 2005*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roslina Che Soh @ Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Naim Mokhtar. 2017. *Bahagian Sokongan Keluarga Membantu Anak Selepas Perceraian: Keberkesanan, Cabaran dan Perbandingan dengan Amalan Negara Maju*. *Jurnal Kanun*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Hlm 160.

Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. 2012. <http://www.jakess.gov.my>. 4 Ogos.

Selangor Sumbang RM 100, 000 bagi Dana Bantuan Nafkah. Selangor Kini. <http://www.selangorkini.my/2019>. 17 September 2019.

Temubual

Temu bual bersama Tuan Muhammad Amir Firdaus bin Sidin. Penolong Pengarah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Selangor Darul Ehsan pada 3 Februari 2017. Jam 10.00 pagi.